

Layanan kelas 1 kepada pelajar IPT

SINAR 18/2/08 NIS



Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed (tiga, kanan) bersama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Annuar Musa (dua, kanan) dan Ketua Pengarah JPPKK Datuk Imran Idris (kanan) pada majlis Peletakan Batu Asas Penubuhan Kolej Komuniti di sini, hari ini.

KOTA BHARU - Kerajaan memberikan layanan yang disifatkan sebagai kelas pertama kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan yang sempurna dalam konteks melahirkan modal insan berkualiti un-

tuk negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, apa yang penting semasa mereka belajar di universiti adalah menamatkan pengajian dengan cemerlang dan bukannya terbabit dengan kegiatan politik yang

merugikan mereka.

"Saya sebagai Menteri (Pengajian Tinggi) ini nasihat saya, belajarlah bersungguh-sungguh dan bukannya terbabit dalam politik sehingga merosakkan masa depan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmi-

kan Majlis Penubuhan Kolej Komuniti Kok Lanas di sini, semalam.

Mustapa berkata demikian mengulas tindakan Parti Mahasiswa Negara (PMN) yang dilaporkan akan tetap berbanding pada pilihan raya umum ini atas tiket bebas.

PMN dilaporkan akan meletakkan calon bekas mahasiswa di tiga kawasan Parlimen iaitu Kepala Batas di Pulau Pinang, Sembrong (Johor) dan Jeli, iaitu kawasan Parlimen yang diwakili Mustapa.

Mengulas perkara itu lagi, Mustapa berkata, kementeriannya sudah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan pelajar IPT, termasuk memberikan ruang untuk bersuara.

"Kita wujudkan mini Parlimen untuk mereka suarakan apa sahaja yang tersimpan dalam hati, tetapi berpolitik semasa belajar terutama berkempen pada pilihan raya, pelajar perlu sedar ia merupakan satu kesalahan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU)," katanya yang menambah AUKU itu adalah untuk kebaikan mereka.

Beliau berkata, jawatankuasa pemantau yang disertai semua timbalan naib canselor akan sentiasa memantau pergerakan pelajar IPT sepanjang tempoh pilihan raya ini dan jika ada kalangan mereka yang ter-

babit, tindakan akan diambil mengikut AUKU.

"Saya sendiri juga tidak mahu ada kalangan pelajar yang turut mengantung poster saya dan berkempen untuk parti kerajaan pada pilihan raya ini kerana ia merupakan satu kesalahan.

"Bagaimanapun pelajar yang cukup syarat mengundi perlu menunaikan tanggungjawab itu," katanya.

Mustapa berkata, Barisan Nasional (BN) tidak gentar untuk menentang PMN kerana menyifatkan pengaruh parti itu sangat kecil dan tidak memberi impak.

"BN tidak gentar langsung dengan parti ini dan kita tahu siapa di belakang mereka yang hanya segelintir sahaja yang menyokong parti itu," katanya.

Sementara itu Mustapa berkata, ketika ini kementeriannya menubuhkan 55 buah Kolej Komuniti di seluruh negara dengan enam daripadanya di Kelantan.

"Di Kelantan ini dua daripada enam itu adalah kampus induk dan yang terbaru ini kerajaan memperuntukkan sebanyak RM10 juta," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini juga Kolej Komuniti itu berjaya melahirkan 14,406 lulusan seluruh negara yang sebahagian besar sudah mendapat pekerjaan. - BERNAMA